

25/01/2001

Setiap kaum mesti tahu batasan

TIDAK ada individu di dunia ini yang berpuas hati dalam apa juga perkara. Berpandukan kepada teori ekonomi bahawa keinginan seseorang biasanya melebihi daripada kemampuan, perasaan tidak puas hati tetap wujud dalam apa bidang sekali pun. Sedikit sebanyak, pasti ada kecacatannya. Seseorang yang begitu kaya sekali pun mempunyai batasan tersendiri. Mereka mungkin boleh mendapatkan apa saja dikehendaki tetapi pada masa yang sama, tidak dapat lari daripada pelbagai masalah lain. Kemungkinannya hidup mereka tidak bebas seperti orang lain atau disebabkan halangan tertentu hasrat untuk bergaul bebas dengan masyarakat, begitu terbatas. Begitu juga, tidak juga semua perkara yang mereka harapkan, akan berada dalam genggaman meskipun dari segi kewangan mereka mampu mendapatkan segala-galanya.

Dalam konteks yang lebih besar, tidak ada satu masyarakat pun akan memperolehi apa saja yang mereka mahukan. Begitu juga sesuatu kaum di sesebuah negara perlu menerima hakikat bahawa ada perkara yang mereka idam-idamkan, tidak mungkin menjadi kenyataan. Ini selari dengan kandungan perutusan Tahun Baru Cina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingatkan rakyat pelbagai kaum di negara ini supaya sedar bahawa tidak ada satu kaum pun boleh berpuas hati dengan apa yang mereka perolehi. Walaupun orang Melayu di negara ini mempunyai sedikit kelebihan daripada kaum lain, tetapi masih terlalu banyak perkara yang belum memuaskan hati mereka. Tuntutan demi tuntutan terus berlaku dari semasa ke semasa. Hari ini orang Melayu mempunyai kelebihan dari segi politik tetapi dari segi ekonomi, mereka masih ketinggalan berbanding kaum lain. Sebaliknya, kaum lain di negara ini juga mempunyai kelebihan masing-masing tetapi dalam bidang tertentu yang lain, mereka pula yang berkurangan. Ini tidak bermakna kaum-kaum di negara ini tidak boleh berusaha untuk mendapatkan kepuasan maksimum, asalkan mereka tahu batasannya. Keadaan seperti ini bukan saja berlaku di Malaysia, tetapi juga di negara lain di seluruh dunia. Adakalanya sesuatu kekurangan itu membawa kesan positif yang mana setiap pihak akan berusaha lebih gigih untuk membolehkan mereka mencapai apa juga yang dikehendaki. Asalkan menyedari sensitiviti pihak lain dan tidak melakukannya secara keterlaluan, ia bukanlah menjadi masalah besar.

Ingatan Dr Mahathir itu amat penting dihayati kerana dengan cara itu saja keamanan dan keharmonian hidup rakyat akan terus terjamin. Sebaliknya, jika semua kaum dibenarkan untuk mendapatkan segala-galanya, ia akan menjadi punca merenggangkan jurang antara satu kaum dengan yang lain. Masing-masing akan menjadi rakus. Atas keperluan inilah dasar tertentu dirumuskan bagi membolehkan setiap kaum mendapatkan hak mereka berasaskan kepada hasrat dan matlamat kepentingan nasional. Masyarakat Bumiputera umpamanya, tentu ghairah untuk mendapatkan segala-galanya daripada kerajaan tetapi berbuat demikian kerajaan juga perlu melihat kepentingan kaum lain. Dalam konsep perpaduan kaum, semua rakyat perlu menerima hakikat bahawa tidak semua yang mereka mahukan boleh diberikan begitu saja.

(END)